



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA (G.9)  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EHVAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwal Ugama**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**NAZIR SEKOLAH-SEKOLAH UGAMA  
JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
KEMENTERIAN HAL EH WAL UGAMA  
G.9 (\$1,910 - \$2,650 EB KHAS \$2,740 - \$3,100 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Al-Quran / Pengajian Islam / Perguruan Ugama / Syariah / Usuluddin atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.6 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji G.2 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Mempunyai Diploma Pengajian Islam / Diploma Pendidikan / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
3. Mempunyai pengalaman dalam pemantauan sekolah-sekolah atau pentadbiran persekolahan ugama atau tugas-tugas lain yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan di Sekolah-Sekolah Ugama adalah keutamaan.
4. Mempunyai Laporan Pernilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan perkembangan dan mengukuhkan ugama melalui pendidikan dan persekolahan Ugama Islam;
2. Mengadakan pencerapan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah ugama dan pelajaran lanjutan;
3. Menilai persediaan mengajar dan tahap professionalism guru dalam menyampaikan pengajaran serta mengawasi kesesuaian dan keberkesanannya penggunaan alat bantu mengajar;



4. Memberi ulasan serta merta kepada Guru-Guru Besar / Ketua Guru Ugama dan Guru-Guru Ugama tentang hasil pemeriksaan, penilaian dan pencerapan yang dilaksanakan dan seterusnya memberikan cadangan-cadangan pembaikan dan tindakan yang perlu;
5. Mengadakan lawatan susulan bagi memastikan Guru-Guru Besar / Ketua Guru Ugama dan Guru-Guru Ugama membuat tindakan dan perhatian pada setiap teguran dan cadangan-cadangan yang diberikan;
6. Membantu memantau awal persekolahan dan meninjau program-program meningkatkan pencapaian pelajaran di Sekolah-Sekolah Ugama dan Satu Mata Pelajaran Ugama di Sekolah-Sekolah Rendah / Swasta dan Menengah;
7. Menyediakan laporan bagi setiap lawatan yang dilakukan; dan
8. Tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.